

From: Koperasi UUM Bhd
Sent: 26 Januari 2016 17:12
To: UUM - All Staff
Subject: PENCALONAN SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI UUM BERHAD SESI 2016/2017
Attachments: BORANG SKM-BP.pdf; BORANG SKM-TAP KEW.pdf; PERKARA UNTUK TINDAKAN CALON.docx



KOPERASI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA BERHAD

كوفراسي يونيبرسيتي اوتارا مليسيا برهد

Usaha Untuk Maju

Tuan/Puan,
Anggota Koperasi UUM Berhad

PENCALONAN SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI UUM BERHAD

1. Dimaklumkan bahawa GP3 : Garis Panduan Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi telah dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta) bagi memenuhi kehendak subseksyen 43(2) dan (3) Akta yang sama di mana koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) dikehendaki meminta penentusahan daripada Suruhanjaya sebelum pelantikan atau pelantikan semula mana-mana orang sebagai anggota Lembaga Koperasi (ALK).
2. Kelayakan menjadi Anggota Lembaga mengikut Undang-Undang Kecil 35(1) 'Tiada seorang pun layak menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang Anggota Lembaga, jika dia-
 - a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
 - b) telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi;
 - c) menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi koperasi ini;
 - d) ada percanggahan kepentingan diri dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh Koperasi ini;
 - e) belum genap tempoh dua tahun menjadi anggota setelah Koperasi didaftarkan melebihi dua tahun atau;
 - f) mempunyai syer dan yuran tidak kurang daripada RM2,000.00 (Ringgit : Dua Ribu Sahaja).
3. Bagi anggota Koperasi yang berminat untuk memohon bagi pencalonan sebagai Anggota Lembaga Koperasi UUM Berhad, pihak tuan/puan boleh melengkapkan borang yang disediakan oleh pihak SKM iaitu (seperti dilampiran):
 - a) Borang SKM/BP
 - b) Borang SKM/TAP/KEW

4. Sila kembalikan borang-borang yang telah dilengkapkan selewat-lewatnya pada **28 Februari 2016** di dalam sampul surat bertutup kepada :

Setiausaha Kehormat,
Koperasi UUM Berhad
Pejabat Urusan
No. 66 Tingkat 1, Pekan Changlun
06010 Changlun
Kedah.

5. Anggota yang berminat dipohon terlebih dahulu menghantar salinan kad pengenalan ke Pejabat Koperasi di Pejabat Urusan, Changlun (atau emel ke koperasi@uum.edu.my), sebelum

Ata atau pada **11 Februari 2016** untuk tujuan tapisan Jabatan Insolvensi Malaysia bersama wang proses RM10.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

Unit Pentadbiran
Koperasi UUM Berhad
Tel : 04-924 3240/1942

Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer:

This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.